

KPKT perlu awasi SPAH elak pembiakan Aedes: Daroyah

SHAH ALAM - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) digesam melihat semula termasuk mengawasi penyelenggaraan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) yang diperkenalkan di negara ini.



DAROYAH

Exco Kesihatan Selangor, Dr Daroyah

Alwi berkata, ia ekoran pelaksanaan dasar teknologi hijau dalam penggunaan air terawat SPAH yang tidak diselenggara dengan baik dilihat memberi risiko kepada penduduk sekitar malah positif menjadi tempat berlakunya pembiakan nyamuk Aedes.

Menurutnya, pembiakan larva nyamuk ditemui di kawasan perumahan yang menggunakan SPAH terutamanya di kawasan lokaliti wabak kes denggi semasa aktiviti pemusnahan tempat pembiakan (PTP) yang dijalankan.

"Hasil lawatan tapak yang dilakukan Jawatankuasa Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah Klang pada 5 September lalu menemui enam tempat pembiakan nyamuk Aedes di dalam SPAH setiap perumahan.

"Pemaju yang melaksanakan

SPAH ini didapati tidak mematuhi garis panduan atau dasar pelaksanaan SPAH menyebabkan masalah lain timbul terutama menjadi takungan air," katanya dalam satu kenyataan media.

Beliau berkata, tanpa penyelenggaraan berkala dan berterusan, banyak SPAH yang tidak mampu berfungsi dengan baik dan lari dari garis panduan yang ditetapkan.

"Kerajaan negeri menyambut baik pelaksanaan SPAH ini, bagaimanapun penguatkuasaan di peringkat pelaksanaan perlulah dititikberatkan.

"Satu perkara yang baik akan menjadi risiko kembali kepada kita jika ia tidak diuruskan dengan betul dan perkara ini perlu diambil serius kerana ia melibatkan nyawa," katanya.

Pelaksanaan SPAH diperkenalkan KPKT bertujuan membantu memelihara sumber air dan penjimatan elektrik di loji-loji rawatan air serta penggunaan air hujan boleh mengurangkan bayaran bil-bil air sama ada kegunaan domestik mahupun komersil.